

Berjaya pecat Othman Rauf



DATUK PENGIRAN
OTHMAN RAUF

KOTA KINABALU, Isnin —
Bekas Menteri Wilayah
Persekutuan, Datuk Pengiran
Othman Rauf, telah
dipecat dari parti Berjaya.

Pemecatannya yang berkuatkuasa Sabtu lalu diumumkan oleh timbalan presiden parti itu, Datuk Dr James Ongkili, dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, jawatankuasa tatatertib parti yang bersidang dua jam Sabtu lalu sebulat suara menyetujui pemecatan itu.

Dalam satu pengumuman, Datuk Dr Ongkili berkata Datuk Pengiran Othman telah diminta hadir di depan jawatankuasa itu untuk membela diri dan menerangkan pendiriannya, tetapi "beliau tidak mengendahkan notis itu."

Datuk Dr Ongkili yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu yang dipengeruskannya diadakan selaras dengan Perkara 54, perlembagaan Berjaya.

Datuk Pengiran Othman yang juga salah seorang daripada 10 orang naib-presiden parti sebelum

ini telah tersingkir dari jawatan pengerusi Berjaya bahagian Papar yang juga meluluskan usul jerempar menggesa supaya beliau dipecat dari parti.

Pertikaian antara Datuk Pengiran Othman dan para pemimpin parti memuncak Februari lalu apabila beliau mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengisytiharkan tanggal 1 dan 2 Februari tiap-tiap tahun sebagai cuti awam bagi menghormati masyarakat nelayan.

Cadangannya telah ditolak oleh Kerajaan Negeri. Datuk Pengiran Othman telah diminta menerangkan kenapa beliau tidak merujuk kepada parti ketika membuat cadangan itu.

Beliau menerangkan, cadangan itu dibuat atas jawatannya sebagai presiden Ikatan Rumpun Asli Nusantara Malaysia ketika melancarkan satu pesta nelayan di Papar.

Pucuk pimpinan Berjaya baru-baru ini mengarahkan semua anggota parti yang menganggotai Ikatan supaya meletakkan jawatan dari persatuan itu dan jangan mengambil bahagian dalam kegiatannya kerana matlamat Ikatan adalah bertentangan dengan matlamat Berjaya sebagai parti berbagi-bagai kaum. — Bernama.